

Mitos dan Realiti Dalam Situasi Hubungan Sosial di Awal Era Transisi Malaysia Baharu: Satu Perbahasan

**Muhamad Nadzri Mohamed Noor
Nidzam Sulaiman**

Abstrak

Kemenangan Pakatan Harapan (PH) di dalam Pilihan Raya Umum ke-14 telah membawa beberapa kepercayaan baru dalam hubungan sosial di Malaysia. Antara kepercayaan itu adalah: i. kemenangan PH menunjukkan masyarakat Malaysia telah bersatu secara politik; ii. masyarakat Malaysia tidak lagi berpecah berdasarkan etnik; dan, iii. kemenangan itu dimungkinkan dari perpaduan sosial yang tinggi di kalangan rakyatnya. Bab ini diasaskan untuk menilai sejauhmana kebenaran kepercayaan itu dan membezakan adakah kepercayaan itu adalah mitos atau realiti di awal era Malaysia baharu kini. Dengan menggunakan data-data sekunder dan primer, hujahan-hujahan dibangkitkan dengan aplikasi beberapa contoh penting. Di akhir tulisan ini, beberapa saranan dalam merencana perubahan oleh kerajaan di dalam era Malaysia Baharu juga diutarakan.

Pengenalan

Pada 9 Mei 2018 sejarah baru tercipta di Malaysia. Rejim Parti Perikatan/Barisan Nasional (BN) yang telah berkuasa selama lebih enam dekad telah ditumbangkan oleh pakatan parti oposisi baru – Pakatan Harapan (PH). Rejim BN yang didirikan dengan rekayasa sistem pemerintahan separa autoritarian bersama-sama dasar sosial dan amalan politik kepartian berasaskan kaum telah ditewaskan oleh PH atas beberapa perkara yang mendasar. Kejayaan PH dalam menewaskan BN bukan sahaja mengejutkan ramai, tetapi membawa beberapa kepercayaan bahawa ia dapat dicapai atas faktor-faktor yang berikut:

kemenangan PH menunjukkan masyarakat Malaysia telah bersatu secara politik.

masyarakat Malaysia tidak lagi berpecah berdasarkan etnik.

kemenangan itu dimungkinkan dari perpaduan sosial yang tinggi.

Bab ini diasaskan untuk menilai sejauh mana kebenaran ‘kepercayaan-kepercayaan’ ini secara kritis - sama ada mitos atau realiti semasa dalam hubungan sosial di awal era Malaysia baharu kini. Kaedah penyelidikan sekunder dan primer digunakan sebagai asas hujahan-hujahan yang diberikan khasnya dari laporan berita, laporan kajian Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 dan pemerhatian umum. Perbincangan di dalam bab ini dipecahkan kepada tiga bahagian utama iaitu pilihan raya sebagai tapak integrasi politik, perbahasan kepercayaan-kepercayaan hubungan sosial semasa di Malaysia sebelum mengutarakan beberapa saranan dalam merencana perubahan oleh kerajaan di dalam era Malaysia Baharu.

Pilihan Raya sebagai Tapak Integrasi Politik

Politik dan pilihan raya biasa dilihat dari dua dikotomi yang berbeza. Kedua-duanya dilihat umum sebagai proses yang boleh menyatukan dan boleh memisahkan rakyat. Tetapi inilah salah satu *iron laws of politics*, ia tidak terelak dari kedua-dua sifat ini. Tidak kira sama

kerajaan itu dipimpin oleh majoriti atau minoriti, oleh golongan bangsawan atau golongan bawahan, atau oleh golongan agamawan mahupun golongan sekular.

Namun proses politik dan pilihan raya juga memberi kestabilan. Mana-mana golongan yang dinafikan dengan hak politik secara berterusan boleh menggunakan kekerasan dalam memenuhi objektif mereka. Ini termasuk melakukan kegiatan keganasan (contohnya puak pemisah *Irish* di Ireland), melakukan rusuhan (golongan kulit hitam di Amerika Syarikat) atau melancarkan perang gerila (pejuang Tamil Eelam di Sri Lanka).

Untuk itu politik dan pilihan raya, tidak semestinya perlu dilihat sebagai tapak yang memecahkan semata-mata, tetapi lebih penting lagi sebagai ruang untuk mengamalkan dan menyuarakan hak sivil di dalam ruang awam secara terbuka dalam mempengaruhi keputusan kerajaan dan menentukan hala tuju negara. Pertikaman lidah di antara segmen-segmen masyarakat dalam proses ini, khasnya di negara bangsa yang pluralistik adalah tidak terelak, sebaliknya sesuatu hal yang umum dan normal. Ini adalah kerana perbezaan adalah salah satu lumrah kepada sesebuah masyarakat yang berbentuk sedemikian dan usaha untuk menafi atau menutup perbezaan itu akan hanya memburukkan atau memanjangkan konflik yang sedia ada. Apa yang penting hak-hak itu – sama ada hak untuk bersuara atau berhimpun, dijalankan berdasarkan luno undang-undang (Varshney 2002). Selagi ia dilakukan sebegitu, ia adalah sesuatu yang demokratik berbanding di pandang sebagai konflik.

Dalam konteks pilihan raya umum (PRU) di Malaysia yang telah dilakukan sebanyak empat belas kali, hanya satu sahaja keputusan PRU yang mengundang konflik iaitu pada tahun 1969. Sebaliknya 13 lagi PRU yang telah diadakan berjalan dengan lancar dan terkawal termasuk yang terkini pada PRU 2018. Ramai golongan Melayu melihat negara Malaysia telah dikuasai oleh etnik minoriti melalui PRU 2018. Meskipun ramai daripada mereka menganggap Melayu sebagai bangsa pentakrif dan golongan majoriti di Malaysia, namun transisi kuasa dari rejim lama yang dikuasai oleh ramai elit Melayu kepada rejim baru yang lebih multirasial dari segi komposisinya, berjalan dengan aman dan teratur. Tiada rusuhan yang dilakukan, tiada tempat yang dibakar dan tiada pengisytiharan darurat. *Business as usual* di seluruh Malaysia. Malah ramai yang mengambil kesempatan untuk keluar bercuti tanpa rasa gusar untuk meraikan cuti umum yang diberikan oleh kerajaan baharu pada dinihari keputusan PRU diketahui pada 10 Mei 2018.

Usaha untuk menjadikan negara Malaysia dengan dasar yang lebih multirasial bukanlah satu hal baru. Sejak dari awal 1930an lagi ia pernah digerakkan oleh Parti Komunis Malaya dan pada tahun 1948 mereka mengambil jalan kekerasan selepas British menafikan mereka untuk bertanding dalam pilihan raya, sekali gus membawa kepada perang gerila di Malaysia yang berlaku selama beberapa dekad dan mengorbankan ribuan nyawa (Mohamed Saleh 2006). Untuk itu pilihan raya perlulah di pandang sebagai tapak yang menstabilkan, mengintegrasikan (mencari kesepakatan dalam perbezaan) dan demokratik berbanding sebagai tapak yang memecah atau memisahkan masyarakat.

Kepercayaan I: Kemenangan PH menunjukkan masyarakat Malaysia telah bersatu dalam politik

Malaysia cukup dikenali dengan pluralisme dalam masyarakatnya – khasnya dari sudut etnik dan agama (Ratnam 1965; Zakaria 1989). Ketebalan kedua-dua elemen itu dalam masyarakat Malaysia boleh ditinjau dari sudut amalan formal atau tidak formal di Malaysia baik dari segi

pendidikan, pekerjaan, penggunaan Bahasa, makanan, pemilihan pasangan dan pelbagai lagi aspek kehidupan masyarakat Malaysia.

Dalam aspek politik pula, parti-parti berasaskan etnik sering mendapat tempat berbanding parti rentas etnik atau berasaskan perjuangan kelas. Parti *Independent Malayan Party* (IMP) yang diketuai oleh tokoh besar Onn Jaafar yang turut disokong British turut gagal menghambat populariti parti *United Malays National Organisation* (UMNO) meskipun hanya diterajui oleh pemimpin baru (Abdul Rahman) dan muda (Razak Hussein) pada awal 1950an (Gullick dan Gale 1986: 94). Begitu juga dengan parti berasaskan agama seperti Parti Islam Se-Malaysia. Ia cukup popular dikalangan Melayu luar bandar khususnya di negeri-negeri Pantai Timur dan utara Semenanjung Malaysia (Esman 1994: 56). Malah, parti-parti yang pada asalnya bersifat rentas kaum atau berasaskan perjuangan kelas seperti *Democratic Action Party* (DAP), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN) dan Parti Progresif Penduduk (PPP) pula berubah ke arah politik etnik setelah beberapa tahun ditubuhkan (Jesudason 1999: 159).

Dengan pecahan masyarakat dan politik sebegini, cara yang ada untuk mendapat banyak kerusi atau memenangi pilihan raya umum dan sekali gus membentuk kerajaan di Malaysia adalah dengan membuat pakatan rentas etnik yang pragmatik, seperti amalan politik permuafakatan yang ditakrifkan oleh Arend Lijphart (Lijphart 1975). Kelebihan Parti Perikatan dan BN selain daripada rekayasa sistem politik dan pilihan raya telah membolehkan parti itu menang dalam kesemua pilihan raya di Malaysia sejak dari PRU 1955 sehingga PRU 2013 (Lim 2002). Malah, PRU 2018 juga direkayasa oleh rejim BN dengan membahagikan kerusi-kerusi pilihanraya berasaskan etnik (*The Malay Mail*, 29 Mac 2018), menyebabkan pertambahan kerusi majoriti Melayu – atas pemahaman bahawa orang Melayu cenderung mengundi BN berbanding pembangkang sejak PRU 2008. Pemahaman itu dilihat sebagai silap apabila BN kehilangan kuasa di persekutuan pada PRU 2018.

Kekalahan BN di peringkat persekutuan dalam PRU 2013 membawa kepercayaan yang kuat bahawa masyarakat Malaysia telah bersatu secara politik dalam menjatuhkan rejim BN. Tanpa penyatuan politik ini, mana mungkin BN boleh ditewaskan, hujah mereka yang memegang pandangan ini. Pandangan ini melihat, masyarakat bukan Melayu, khususnya masyarakat Cina telah bersatu dalam menjatuhkan rejim BN pada PRU 2008 dan PRU 2013, namun masih gagal. Justeru penyatuan pengundi Melayu dan bukan Melayu menjadi satu *common sense logic* bagi mereka untuk memberi justifikasi terhadap kejayaan PH dalam PRU 2018. Tulisan Whiting dan Balasubramaniam dari Universiti Melbourne umpamanya menyatakan bahawa “...voters move beyond Malaysia's habitually race-based politics (Whiting dan Balasubramaniam 2018).

Hakikatnya, kepercayaan ini perlu dinilai dengan berhati-hati. Kajian dari *Merdeka Center* pada pertengahan Jun 2018 melaporkan bahawa hanya lingkungan 25 ke 30 peratus sahaja golongan Melayu yang mengundi PH, dan selebihnya kepada parti bukan PH (*Free Malaysia Today*, 14 Jun 2018). Sebaliknya 95% pengundi Cina dan 70 ke 75 peratus India mengundi PH. Kebanyakan orang Melayu menyokong UMNO dan PAS iaitu sebanyak 35 ke 45 peratus dan 30 ke 33 peratus. Dari sudut kerusi parlimen di kawasan majoriti Melayu 54 kerusi dimenangi UMNO dan 18 kerusi diduduki oleh PAS (*Malaysiakini*, 10 Mei 2018). Jumlah kerusi kedua-dua ‘pembangkang baru’ (72 kerusi) ini jauh mengatasi kerusi Melayu PH yang diperoleh oleh Bersatu (13 kerusi) dan Amanah (11) iaitu hanya 24 kerusi (*Malaysiakini*, 10 Mei 2018).

Untuk itu, kami melihat kekalahan BN dalam PRU 2018 sebenarnya tidak disebabkan oleh penyatuan politik antara Melayu dan bukan Melayu atau di kalangan masyarakat Malaysia secara umum. Sebaliknya ia berpunca dari pelbagai faktor lain. Kami meletakkan faktor pecahan elit (*elite split*) yang mendalam di kalangan pemimpin Melayu sebagai faktor utama kemenangan PH. Dengan pembersihan pihak pencabar pentadbiran Najib di dalam parti UMNO pada 2015, yang menyaksikan penyisihan tokoh-tokoh besar UMNO seperti Mahathir Mohamad, Muhyiddin Yassin, Shafie Apdal dan Mukriz Mahathir, BN kehilangan sebahagian pengaruhnya terhadap orang Melayu pada ketika itu. Dengan pecahan elit ini, Bersatu dan Amanah, parti komponen PH, berjaya merebut lebih 20 kerusi parlimen dari UMNO/BN dan PAS pula mencuri banyak kerusi majoriti Melayu secara dominan di Terengganu dan Kelantan. Penyisihan Muhyiddin, Mukhriz dan Shafie menjadi penyebab utama UMNO/BN kehilangan Johor, Kedah dan Sabah – yang sering dianggap sebagai kubu BN sebelum ini. Layanan buruk terhadap Mahathir pula dan penentangan beliau terhadap BN (faktor Dr M) telah menyebabkan UMNO/BN kehilangan sebahagian kepercayaan di kalangan Melayu secara amnya di Semenanjung. Pecahan elit pada kali berbeza dengan pecahan elit UMNO pada lewat 1980an dan 1990an di mana ia melibatkan lebih ramai tokoh berjawatan tinggi dalam UMNO disamping pengaruh Mahathir yang besar di kalangan rakyat Malaysia dari pelbagai latar belakang.

Dari sudut undi popular, peningkatan yang dicatatkan adalah terlalu kecil dalam PRU 2018, iaitu hanya beberapa peratus sahaja berbanding PRU 2913, tetapi pecahan elit Melayu telah menyebabkan UMNO kehilangan banyak kerusi kepada pihak lawan. Justeru strategi UMNO/BN dalam merubah kawasan parlimen berdasarkan pecahan etnik nampaknya telah memakan diri, kerana pengundi Melayu khasnya di kawasan majoriti Melayu telah memecahkan sokongan mereka kepada kepada tiga parti utama – UMNO, PAS dan PH. Pecahan elit dalam masyarakat Melayu ini diperhebatkan faktor kedua kekalahan BN – iaitu kewujudan isu mendasar yang menyelubungi kerajaan UMNO/BN terutamanya GST, 1MDB dan kos sara hidup. Masalah ini telah menyebabkan sebahagian Melayu menolak UMNO/BN dengan sentimen anti-pentadbiran Najib (faktor Najib) yang tinggi dan memberi sokongan terhadap parti lawan. Hal inilah membolehkan PAS merampas Terengganu dari BN dan mencatatkan kemenangan yang lebih baik di Kelantan berbanding PRU 2013 (<https://www.statista.com/statistics/494587/smartphone-users-in-malaysia/>, 10 Mei 2018). Faktor utama yang ketiga pula adalah kemajuan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) khasnya penggunaan telefon pintar dengan pelbagai aplikasi. Penggunaan gajet pintar di Malaysia sejak PRU 2013 semakin bertambah pesat, melibatkan dua pertiga masyarakatnya pada 2018. Hal ini memperlihatkan masyarakat Malaysia kini adalah masyarakat digital/informatif (berpengetahuan) atau apa yang boleh ditermakan sebagai *i-society* dengan kehidupan berkisar di dalam dunia ICT. Tidak seperti zaman sebelum kemajuan ICT, media massa dikawal oleh kerajaan UMNO/BN menyebabkan pengaruh parti itu tinggi di kalangan umum. Pilihan raya di Malaysia menjadi semakin kompetitif sejak 1999, kecuali pada PRU 2004, dengan kemajuan ICT di samping kewujudan gabungan pembangkang baru dalam politik Malaysia dan PKR (parti serpihan UMNO).

Apa yang lebih pada PRU kali ini bukan sahaja jumlah pengguna ICT yang semakin meningkat di kalangan rakyat Malaysia di semua peringkat umur, tetapi juga dengan pelbagai aplikasi baru seperti *What's App*, *We Chat* and *Telegram* yang tidak wujud dalam PRU yang sebelum, di mana rakyat Malaysia mencatat penggunaan antara tertinggi di dunia (*New Straits Times* 12 September 2017). Dengan aplikasi-aplikasi ini, di samping *Facebook*, pelbagai berita dikongsikan dan perbincangan diadakan di kalangan rakyat Malaysia. Amalan politik digital ini sekaligus juga menjadi salah satu karektor dan cara hidup (lifestyle) *i-*

society Malaysia kini. Ia menyebabkan rakyat Malaysia bukan sahaja lebih informatif tetapi lebih partisipatif dan kritis di dalam pelbagai isu politik nasional.

Faktor utama yang keempat pula adalah kewujudan gabungan pembangkang yang kuat dan berwibawa. Perlantikan Dr Mahathir sebagai pengerusi PH dan calon perdana menteri PH, di samping populariti Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dengan kemasukan sebilangan tokoh-tokoh berpengaruh Melayu menambah populariti pembangkang termasuk di kalangan pengundi Melayu – sesuatu hal yang tidak dapat dilakukan oleh pakatan pembangkang sebelum ini (faktor Dr M). Parti-parti komponen PH dengan semangat permuafakatan dan pragmatisme yang tinggi juga telah mempertingkatkan kekuatan mereka. Apa jua kaedah untuk menewaskan BN secara demokratik dipertimbangkan sebelum digunakan. Anwar Ibrahim, keluarganya dan orang PKR misalnya, telah sudi memaafkan Mahathir dan menyokongnya untuk mengetuai PH (*Malaysiakini* 30 Disember 2017). Malah Mahathir sendiri membuat telah permohonan maaf meskipun dengan lenggok bahasa yang tidak begitu jelas (*The Star* 30 Disember 2017). DAP pula, meskipun dengan berat hati, menghormati keputusan PH untuk menggunakan lambang PKR untuk PRU 2018 berbanding menggunakan lambang parti masing-masing seperti mana amalan pada pilihan raya-pilihan raya yang lalu (*The Star* 6 April 2018).

Kesimpulannya, berdasarkan hujahan-hujahan ini, masyarakat Malaysia tidak sepenuhnya bersatu dalam memberi sokongan terhadap PH. Meskipun PH lebih popular berbanding pakatan pembangkang sebelum ini, namun undi orang Melayu terhadap parti itu adalah sangat kecil sedang majoriti besar etnik itu menyokong UMNO dan PAS. PH sebaliknya mempunyai asas sokongan yang besar dari pengundi bukan Melayu menyebabkan sesetengah Melayu melabelkan parti itu sebagai parti pro-bukan Melayu.

Kepercayaan II: Kemenangan PH menggambarkan masyarakat Malaysia tidak lagi berpecah berdasarkan etnik

Kepercayaan kedua ini sangat berkait rapat dengan kepercayaan pertama, kerana politik dan budaya di Malaysia, sebagaimana yang telah dihujahkan, sering bersilang di antara satu sama lain. Dari sudut pengundian sewaktu PRU 2018, PH kebanyakannya tidak mendapat majoriti yang besar di kawasan campuran dan majoriti Melayu di tempat yang dimenangnya. BN khususnya UMNO (kerana dalam 5 peratus sahaja Cina yang mengundi BN) memberikan cabaran yang sengit. Malah kemenangan PH di kawasan-kawasan itu rata-rata adalah sekitar 50 peratus sahaja, dan selebihnya dimiliki UMNO dan PAS. Hal ini juga selaras dengan peratusan undi popular yang dimenangi PH + Warisan iaitu hampir 50 peratus. Ini bermakna hampir separuh lagi pengundi Malaysia, yang majoritinya Melayu tidak mengundi PH. Untuk itu, hujahan bahawa tidak lagi berpecah berdasarkan etnik, bersifat rentas kaum atau *post-ethnic* adalah tidak begitu kuat.

Keputusan PRU di Selangor boleh dijadikan kes untuk memerihalkan hal ini. Sebagai sebuah negeri yang termaju di Malaysia, dengan komponen masyarakat industri yang paling ramai, penduduk Selangor sering di anggap moden dengan sentimen sivik dan *post-ethnic*. Namun keputusan PRU di Selangor memberikan gambaran yang berbeza. Namun di kawasan-kawasan parlimen dengan pengundi yang bercampur-campur (mixes seats), pola pengundian tidak semata-mata berasaskan parti atau ideologi, tetapi juga berasaskan etnik. Kawasan parlimen Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Sepang memperlihatkan pecahan etnik dan ideologi yang ketara. Di kesemua kawasan itu PH hanya menang dengan lebih kurang separuh undi popular sahaja sedangkan separuh lagi diberikan pada BN dan PAS (*The Star Online*, <https://election.thestar.com.my/selangor.html>). Ini memperlihatkan majoriti

pengundi Melayu tidak mengundi PH dalam PRU 2018 sebaliknya kekal bersama BN dan PAS. Malah BN dan PAS mungkin boleh memenangi kawasan ini sekiranya mereka membuat pakatan. Ini turut menunjukkan pecahan undi berdasarkan etnik masih berlaku dan terdapat pelbagai faktor yang membawa kepada kemenangan tipis PH termasuk pecahan elit, sentimen anti-Najib dan kewujudan pembangkang yang kuat berbanding perpaduan rakyat Malaysia. ‘Penyatuan’ rakyat Malaysia masih lagi berasaskan isu, sebagai mana yang pernah dibangkitkan oleh kajian Kntayya Mariappan pada 1996, berbanding secara sivik (Mariappan 1996).

Kerajaan PH setakat ini (Julai 2018) masih lagi tidak dianggap oleh kebanyakan Melayu sebagai kerajaan yang multietnik, meskipun diketuai oleh Mahathir dan pemimpin Melayu mendominasi kabinet (*The Star* 2 Julai 1998). Sebaliknya kerajaan dianggap oleh mereka sebagai liberal, pro-Cina dan dikuasai oleh DAP khususnya dengan perantikan Lim Guan Eng sebagai Menteri Kewangan (jawatan kanan dalam kabinet) dan orang bukan Melayu sebagai Peguam Negara setelah kerajaan PH nampaknya bertegas dengan permintaan Yang diPertuan Agong. Hal ini diburukkan oleh ketidakupayaan Peguam Negara untuk berbahasa Melayu dengan baik dan respon media dalam Bahasa Cina dan Tamil oleh menteri persekutuan (Lim Guan Eng dan Kulasegaran). Apatah lagi bila ada permintaan untuk UiTM dibuka kepada semua dan langkah pemecatan 17 ribu penjawat awam berstatus kontrak oleh kerajaan PH yang rata-ratanya adalah Melayu (*New Straits Times* 28 Mei 2018). Timbalan Menteri Pendidikan Teo Nie Ching juga mengumumkan langkah untuk menyelesaikan pengiktiraf kerajaan terhadap Unified Examination Certificate (UEC) sekolah persendirian Cina menjelang akhir tahun 2018 (*Malaysiakini* 8 Julai 2018).

Pada Jun dan Julai 2018, beberapa lagi langkah perubahan yang terlalu drastik dan kurang strategik bagi orang Melayu telah dilakukan kerajaan PH. Selain melantik Tommy Thomas, kerajaan PH juga melantik Lui Vui Keong sebagai Menteri Hal Ehwal Perundangan sebelum menaikkan pangkat Richard Malanjum sebagai Ketua Hakim Negara yang baru. Berdasarkan merit, ketiga-tiga tokoh ini sangat berkelayakan untuk menjawat jawatan masing-masing. Tetapi keresahan timbul di kalangan orang Melayu apabila ketiga-tiga orang yang paling kanan di dalam sistem perundangan dan kehakiman negara telah diberikan kepada bukan Melayu (*Malaysiakini* 12 Julai 2018). Pada ramai orang Melayu, mereka adalah bangsa pentakrif negara dengan nilai budaya Melayu dan Islam. Justeru apabila bukan Melayu dilantik ke jawatan-jawatan ini, ketidakpuashatian muncul apatah lagi Richard Malanjum dilihat adalah seorang hakim yang secara konsisten mendahulukan hak asasi orang bukan Islam berbanding mendaulatkan agama Islam secara tegar (*The Star* 12 Julai 2018). Ini menyebabkan kerajaan PH dilihat oleh konservatif Muslim sebagai kerajaan sekular dan anti-Islam (*Isma-web* 4 Jun 2018).

Golongan kelas pertengahan Melayu yang turut banyak mendapat manfaat dari dasar pentadbiran UMNO/BN juga semakin kritikal dengan pentadbiran PH. Sebagai golongan yang ditakrifkan secara ‘negatif’, iaitu bukan orang berada, dan bukan juga orang tidak berada – golongan kelas menengah Melayu (dan juga bukan Melayu) cenderung berada di dalam keadaan yang tersepit. Namun kesempitan itu secaranya dibantu oleh pelbagai dasar yang boleh dilihat sebagai pro-Melayu oleh kerajaan BN pada sebelum ini. Dengan dasar pentadbiran baru untuk menyediakan subsidi bersasar seperti subsidi minyak dan menyemak semula kontrak kerajaan, golongan kelas menengah (khususnya Melayu) akan kekal tersepit dengan kos sara hidup yang tinggi dan risiko kehilangan pekerjaan. Hal ini diburukkan lagi apabila pemansuhan GST nampaknya tidak memberi kesan yang ketara terhadap keseluruhan kos sara hidup. Malah dengan pengenalan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada

September 2018, peningkatan kualiti kehidupan di kalangan rakyatnya akan menjadi suatu objektif yang semakin sukar untuk dipenuhi oleh kerajaan PH.

Isu-isu ini, secara kesimpulannya, menyebabkan ramai golongan Melayu di pelbagai peringkat kelas sosial dan kawasan, berasa gusar dan semakin kritikal terhadap kerajaan PH. Dasar-dasar liberalisasi PH, nampaknya akan membawa kepada tindakan reaksionari dari ramai Melayu, sekaligus menebalkan sentimen keetnikan dan konservatisme mereka, serta prasangka terhadap kerajaan PH dan etnik lain. Malah satu demonstrasi telah dilakukan oleh elit konservatif Melayu pada 29 Jun 2018 bersama-sama pertubuhan Melayu dalam mempertahankan kedaulatan Bahasa Melayu (*Malaysiakini* 29 Jun 2018). Demonstrasi bantahan terhadap pendakwaan ke atas Najib (demonstrasi berasaskan parti politik) pada juga bertukar menjadi demonstrasi berasaskan kaum apabila Tommy Thomas enggan mengulas kes pendakwaan itu di dalam Bahasa Melayu dalam satu sidang media sejeurus selepas kes itu ditangguhkan (*Malaysiakini* 5 Julai 2018). Hal ini telah menyebabkan bantahan umum terhadap Tommy Thomas dan kerajaan PH. PAS Melaka juga telah membuat demonstrasi membantah rancangan kerajaan untuk mengiktiraf UEC (*Harakah* 7 Julai 2018). Kepimpinan tertinggi parti itu juga membayangkan “perhimpunan Melayu-Islam ala 1946”, iaitu perhimpunan menolak rancangan Malayan Union tajaan British (*Malaysiakini* 13 Julai 2018). Malah, dalam sebuah Pilihan Raya Kecil di Sungai Gandis, UMNO telah mengumumkan untuk bertanding secara bersendirian dengan menggunakan lambang parti itu (*Malay Mail* 12 Julai 2018). Ini bukan sahaja merubah karektor BN sebagai sebuah parti berasaskan kaum dari sebuah parti permuafakatan kaum, tetapi juga boleh membangkitkan politik ultra-nasionalisme bersama-sama dengan PAS sekaligus memberi cabaran kepada keharmonian hubungan etnik di Malaysia.



**LU ORANG JANGAN NAK
BUAT MACAM2 SELAGI
MELAYU ISLAM MASIH
WUJUD DI BUMI
MALAYSIA.**

KESABARAN KAMI ADA BATASNYA.

melayu TIDAK pernah takut sesiapa. Kami hormat menghormati selagi mendatangkan kebaikan. JANGAN kerana kami diam LU ORANG mau pijak kepala kami. JANGAN mencabar SEMANGAT MELAYU!!

Rajah 1.0. Salah satu gambar tular yang dikongsikan di media sosial oleh golongan konservatif Melayu akibat dari dasar kerajaan PH yang disifatkan sebagai pro-bukan Melayu. (Gambar diambil dari laman facebook Erwan Mazri 6 Julai 2018).

Kepercayaan III: Kemenangan PH dimungkinkan dari perpaduan sosial yang tinggi

Kepercayaan ketiga ini pula berkait dengan kepercayaan kedua. Yakni satu kepercayaan bahawa rakyat Malaysia telah bersatu hati, melangkaui garis dan sentimen etnik dalam memberi kemenangan kepada PH dalam PRU 2018. Lebih-lebih lagi bila hampir tiada kekacauan atau rusuhan kaum yang berlaku selepas PH diumumkan sebagai pemenang secara tidak rasmi sewaktu dinihari pada 10 Mei 2018. Hal ini menguatkan persepsi bahawa perpaduan sosial di Malaysia berada di tahap yang tinggi.

Jika perpaduan, atau keamanan dan kenteteraman itu kita fahami dari sudut sesuatu ‘ketiadaan’, seperti ‘tiada rusuhan’ dan ‘tiada kekacauan’ – maka perpaduan itu mudah dibingkaikan. Namun itu, kami berpendapat, adalah cara pandang atau konsep itu adalah sesuatu yang minimalis kerana kekurangan kualiti dalam ‘perpaduan’ itu. Ada pelbagai sebab yang menghindarkan masyarakat dari merusuh termasuk rasa hormat mereka terhadap undang-undang (dari kaedah kawalan sosial sebagai mana menurut Travis Hirschi) dan ancaman tindakan undang-undang yang boleh dikenakan terhadap mereka (perkiraan kos dan faedah secara rasional) – tidak semestinya disebabkan oleh sentimen perpaduan mereka.

Sebaliknya perpaduan perlu ditakrif dengan kualiti yang perlu ada, seperti adanya kesefahaman dan kecintaan di kalangan ahli masyarakat yang berbilang kaum – di mana prasangka, steroaip dan diskriminasi adalah kurang, terhad dan nipis. Situasi ini adalah sesuatu ideal yang masih jauh untuk dicapai di Malaysia. Pengundian dalam PRU 2018, khususnya di Semenanjung dan Sarawak, masih lagi berkitar di dalam garis etnik dan agama. Isu-isu semasa selepas beberapa ketika PH menguasai kerajaan persekutuan pula difahami oleh ramai dari sudut perkauman. Ini termasuk pada hari pertama pendakwaan jenayah ke atas Najib di Mahkamah Tinggi pada 4 Julai 2018. Ramai yang berbicara dan mengkritik ketidakfasihan Peguam Negara untuk berbahasa Melayu berbanding untuk mengambil tahu intipati kes itu (*The Star* 4 Julai 2018).

Kami melihat konsep ‘kesepaduan sosial’ yang dipopularkan di Malaysia oleh Shamsul A.B. (2014) atau ‘kesepaduan dalam kepelbagaian’ mungkin lebih sesuai untuk digunapakai dalam memerihalkan situasi etnik Malaysia. Konsep ini merefleksikan kualiti semasa hubungan sosial di Malaysia, di mana terdapat pelbagai titik temu, tapak integrasi dan kesepaduan di kalangan rakyat Malaysia, tetapi juga terdapat banyak titik yang berbeza, tapak pemisahan dan perpecahan di kalangan mereka.

Langkah ke hadapan

Transisi politik yang berlaku di dalam PRU 2018 hanyalah satu permulaan terhadap proses pembaharuan yang lebih besar Malaysia Baharu. Ini termasuklah perubahan struktural dan budaya. Reformasi institusi dan perubahan nilai adalah dua aspek utama yang perlu dilakukan dalam Malaysia Baharu. Sistem semak dan imbang dan pemisahan kuasa di kalangan badan-badan utama kerajaan (Parlimen, Eksekutif dan Kehakiman) di samping kebebasan dan integriti jabatan-jabatan awam seperti Jabatan Peguam Negara, Polis diRaja Malaysia, Bank Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia perlu diperbaiki dan dihormati dalam mengangkat *rule of law* berbanding *rule of might*.

Dari sudut budaya dan amalan pula, nilai-nilai sivik yang progresif dan manusiawi perlu diletakkan sebagai salah satu agenda utama Malaysia. Ini tidak semata-mata dengan

memupuk nilai kebersamaan dan perpaduan di kalangan rakyat, tetapi juga menggerakkan agenda pembangunan nasional yang inklusif yang merangkumkan masyarakat dari setiap kelas, etnik, agama dan wilayah ke arah pembentukan masyarakat Malaysia yang ideal. Terutamanya dengan pembahagian kekayaan negara dan pendapatan rakyat yang lebih adil, peningkatan kualiti dan taraf kehidupan rakyat dan pembentukan kelas menengah yang lebih besar di samping usaha mengurangkan kadar kemiskinan (termasuk kemiskinan bandar) dengan dasar yang berkesan.

Sistem dan amalan sosial yang diamalkan di Malaysia pada hari ini melibatkan pelbagai proses rekonstruksi dari amalan sejarah yang lepas. Malah masih banyak amalan tradisional dan feodal yang diamalkan oleh sesetengah rakyat termasuk kesetiaan mereka kepada raja dan adat-adat lama. Untuk itu, bab ini menganjurkan untuk kerajaan di era Malaysia Baharu ini untuk merencana dan melaksanakan agenda pembaharuannya dengan berhati-hati berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

Imbangan kepentingan masyarakat Malaysia yang penuh rencam.

Perubahan secara beransur-ansur.

Perubahan berdasarkan semangat perlembagaan persekutuan dan prinsip kedaulatan undang-undang.

Sifat masyarakat dan negara Malaysia yang pluralistik dengan pelbagai pecahan dan kepentingan sektoral memerlukanimbangan untuk dilakukan sebelum sesuatu dasar dan keputusan dibuat oleh pemerintah. Hal ini boleh dilakukan dengan mengiktiraf peranan masyarakat sivil dan parti oposisi di samping menggalakkan penyertaan rakyat secara meluas dan menghormati pandangan mereka. Dimensi keseimbangan yang perlu dipertimbangkan sebelum sesuatu dasar atau keputusan itu dibuat termasuklah:

Keseimbangan di antara kepentingan sejarah dan tradisi dengan kepentingan kontemporari dan modenisasi (Abdul Rahman Embong (2000)).

Keseimbangan dalam aspek pluralisme Malaysia, contohnya antara Melayu dan bukan-Melayu (isu bahasa, pendidikan dan agama), antara etnik dan kelas (keperluan – golongan berada vs. golongan kurang berada), bandar dan luar bandar, antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Keseimbangan dalam mengharmonikan kepentingan rakyat dengan kepentingan negara. Contohnya melihat subsidi dalam sektor pendidikan dan kesihatan sebagai satu pelaburan sosial berbanding bebanan kepada kerajaan. Di dalam dimensi ini, kerajaan Malaysia Baharu perlu diingatkan bahawa tanggungjawab moral yang utama yang dipikul oleh kerajaan adalah untuk memberi keadilan kepada rakyat, dan bukan membuat keuntungan sebagaimana amalan Malaysia Incorporation pada era yang lalu.

Keseimbangan-keseimbangan ini amat penting untuk dicapai bukan sahaja dalam konteks untuk menambah tapak-tapak integrasi rakyat, tetapi juga dalam usaha penyatuan budaya dan wilayah dengan identiti nasional yang kukuh dan menyeluruh sekaligus merealisasikan ideal Wawasan 2020 yang telah sekian lama tertangguh.

Perubahan yang dilaksana di era Malaysia Baharu ini juga perlu dilakukan dengan beransur-ansur sebagaimana peringatan yang diberi oleh seorang sarjana politik Malaysia yang terkenal William Case (*Malaysiakini*, 2 Jun 2018). Ini melibatkan strategi yang pragmatik dan tidak tergopoh-gapah dalam pelaksanaan pembaharuan. Kerajaan PH perlu sedar bahawa mereka bukanlah kerajaan yang popular khususnya di kalangan orang Melayu, dengan kurang 50 peratus sokongan dari jumlah keseluruhan pengundi dalam PRU 2018. Dasar yang terlalu liberal dari amalan sebelum perlu dielakkan dengan penuh hikmah. Jika terlalu banyak dasar yang memecah tradisi dilaksanakan, rasa kurang senang di kalangan Melayu boleh berlaku, dan ini boleh menyuburkan sentimen ultra-nasionalisme, *reactionary conservatism* dan anti-kerajaan meningkat.

Hal ini sekaligus juga boleh membawa kepada ketegangan etnik, kekacauan, rusuhan dan konflik sosial. Sekiranya ini berlaku, kekerasan mungkin terpaksa digunakan oleh kerajaan untuk mengembalikan kestabilan. Penggunaan langkah kekerasan bukanlah satu yang asing dalam sejarah politik Malaysia, lebih-lebih lagi dalam pentadbiran Mahathir yang lepas. Jika ini terjadi, maka proses transisi akan bertemu dengan kegagalan apabila rejim autoritarian lama mungkin digantikan dengan rejim autoritarian bentuk baharu (BN 2.0?) sebagaimana yang berlaku di Mesir pada 2012 – 2013. Di dalam kes perlantikan Peguam Negara umpamanya, ketegangan kerajaan dengan pihak istana dan sesetengah orang Melayu umpamanya boleh dikurangkan sekiranya kerajaan lebih berlapang dada dengan turut menghantar calon-calon berbangsa Melayu yang berkaliber dan menghormati keputusan raja. Sesuatu keputusan dan dasar yang dibuat oleh kerajaan baru perlulah juga mengikut konsep ketertinggian perlembagaan dan kedaulatan undang – bukan *rule by law* atau *rule of might*. Ini penting bagi mewujudkan sistem perundangan dan pemerintahan yang adil, tertib dan diterima umum selain dari mengelakkan dari ancaman berlakunya proses pendemokrasi-balik (*reversed democratisation*). Dalam isu perlantikan Ketua Menteri Sabah selepas PRU 2018 umpamanya, undang-undang prosedur nampaknya tidak dihormati menyebabkan Sabah mempunyai dua Ketua Menteri dalam satu-satu masa. Meskipun berlaku aktiviti lompat parti di kalangan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di Sabah kepada parti pro-PH iaitu Warisan, namun pemimpin utama BN Sabah, Musa Aman telah pun dilantik sebagai Ketua Menteri Sabah yang sah pada penggal yang baru (*The Star* 11 Mei 2018). Lantikan ini perlu dihormati kerana ia dilakukan mengikut prosedur Perlembangan Negeri Sabah. Jika seseorang ketua menteri itu tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti di DUN, maka prosedur yang perlu diikuti adalah dengan membawa usul undi tidak percaya apabila DUN bersidang dan bukannya membelakangkan prosedur perlembangan sebagai mana yang berlaku sewaktu krisis politik di Perak pada 2009 (Suwannathat-Pian 2011: 411) . Jika amalan yang tidakberperlembagaan (*unconstitutional*) terus digunapakai maka agenda reformasi institusi Malaysia Baharu boleh terencat dan menjadi kurang bermakna.

Akhir sekali, kerajaan baru juga perlu reflektif dengan aspirasi rakyat dan melibatkan mereka dalam proses pembuatan keputusan di peringkat nasional. Dengan kemajuan ICT dan pembentukan masyarakat digital kini, aspirasi dan partisipasi rakyat lebih mudah untuk di dapati. Inilah kaedah yang agak baru dalam membolehkan hala tuju negara diimbangi dengan pendekatan bawah ke atas berbanding pentadbiran sebelum yang menggunakan pendekatan yang lebih elitis. Dalam hal ini, kerajaan baru nampaknya telah menunjukkan hal yang positif. Mahathir umpamanya telah menolak untuk menjawat lebih dari satu jawatan setelah dikritik oleh ramai *netizens* (*Sinar Harian* 18 Mei 2018). Beliau juga mengakui Menteri Kewangannya Lim Guan Eng telah melakukan ‘kesilapan kecil’ dalam menggunakan Bahasa Cina dalam memberikan kenyataan rasmi dalam sebuah isu, setelah hal itu tular di media sosial.

Kesimpulan: Tersepit antara Dua Arus

Bab ini mengajak umum untuk lebih berhati-hati dan saintifik dalam menilai perubahan dan situasi hubungan sosial di Malaysia sewaktu PRU 2018. Kepercayaan-kepercayaan bahawa masyarakat Malaysia telah bersatu tanpa mengira latar-belakang etnik dalam menolak BN dalam PRU itu nampaknya kurang tepat kerana PH hanya memenangan 50 peratus undi popular yang majoritinya adalah bukan Melayu. Pengundi Melayu pula, kebanyakan mereka tidak mengundi BN dalam PRU 2018. Kekalahan BN dalam PRU 2018, untuk itu tidak menggambarkan masyarakat Malaysia telah menjadi masyarakat pasca-etnik kerana undi masih lagi berkitar di dalam garisan etnik di kalangan majoriti setiap etnik di Malaysia. ‘Penyatuan’ mereka lebih kepada sentimen anti-pentadbiran Najib berbanding sentimen keMalaysiaan yang lebih sivik.

Malah dari beberapa laporan berita dan pemerhatian yang dilakukan, ramai golongan Melayu yang tidak berpuas hati dengan pelbagai dasar-dasar baru kerajaan PH. Hal ini, berbeza dari kepercayaan umum, memperlihatkan keregangan yang lebih ketara di dalam hubungan sosial di Malaysia sewaktu PRU dan di awal era pentadbiran PH ini.

Kerajaan PH sebagai kerajaan order baru kini sebenarnya tersepit di antara dua arus besar. Satu arus mahukan perubahan yang drastik dan fundamental – dasar liberal, multirasial dan berasaskan merit (*achievement*). Satu lagi arus mahukan perubahan yang kecil, simbolik dan askriptif. Tekanan dua arus ini memerlukan pemimpin oleh lebih berkhemah dalam merencana perubahan di Malaysia berteraskan dengan objektif untuk mencapai keseimbangan dan kestabilan. Untuk itu, bab ini tleh mencadangkan kerajaan untuk lebih berhati-hati dan bersederhana dalam membentuk dan melaksana dasar-dasar baru. Dasar itu sebagaimana yang telah dianjurkan di hujung bab ini, perlulah bersifat inklusif, seimbang dan berperlembagaan. Ini adalah sangat penting khususnya dalam mengelakkan konflik sosial, mengekalkan tapak-tapak integrasi lama dan menjana tapak-tapak integrasi baru sekaligus memungkin aspirasi untuk mewujudkan sebuah bangsa Malaysia berasaskan Wawasan 2020 tercapai.

Penghargaan

Kertas kerja ini adalah berasaskan penyelidikan yang dibiayai oleh geran Arus Perdana AP-2017-001/1.

Rujukan

- All Pakatan candidates to use PKR logo. 6 April 2018. *The Star*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/04/06/pakatan-candidates-to-run-under-single-logo/> [13 Julai 2018].
- Dr M apologises for past mistakes. 30 Disember 2017. *The Star*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2017/12/30/mahathir-sorry-for-past-mistakes/>. [13 Julai 2018].
- Dr Mahathir lepaskan portfolio pendidikan. 18 Mei 2018. *Sinar Harian*. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/dr-mahathir-lepaskan-portfolio-pendidikan-1.836192>. [13 Julai 2018].
- EC chief admits racial redelineation, says ethnic groups can't be split. 29 Mac 2018. *The Malay Mail*. <https://www.malaymail.com/s/1610117/ec-chief-admits-racial-redelineation-says-ethnic-groups-cant-be-split>. [13 Julai 2018].
- Eloklah, cari sendirilah undi bukan Melayu, MIC ulas Umno. 12 Julai 2018. *The Malay Mail*. <https://www.msn.com/en-my/news/national/eloklah-cari-sendirilah-undi-bukan-melayu-mic-ulas-umno/ar-AAzXwM7>. [13 Julai 2018].
- Esman, Milton Jacob. 1994. *Ethnic Politics*. Ithaca: Cornell University Press.
- Gopal Seri Ram defends Malanjum against PAS, questions attack on judge. 12 Jul 2018. *The Star*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/07/12/gopal-seri-ram-defends-malanjum-against-pas-questions-attack-on-fair-judge/> [13 Julai 2018].
- Gullick, J. M. dan Gale, Bruce. 1986. *Malaysia: its political and economic development*. Kuala Lumpur. Pelanduk Publications.
- Jesudason, James. 1999. 'The Resilience of One-Party Dominance in Malaysia and Singapore' dalam Giliomee, Hermann dan Simkins, Charles (pytn.) *Awkward embrace: the one-party domination and democracy*. Amsterdam: Harwood Academic Publishers.
- Kecoh pada sesi pertuduhan 'ibu segala kes'. 5 Julai 2018. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/432826>. [13 Julai 2018].
- Korupsi Najib dijadikan justifikasi pencalonan peguam anti-Islam. 4 Jun 2018. *Ismaweb*. <https://www.ismaweb.net/2018/06/04/korupsi-najib-dijadikan-justifikasi-pencalonan-peguam-anti-islam/> [13 Julai 2018].
- Lijphart, Arend. 1975. *The Politics of Accommodation: Pluralism and Democracy in the Netherlands*. Berkeley: Univeristy of California Press,
- Lim, Hong Hai. 2002. 'Electoral Politics in Malaysia: 'Managing' Elections in a Plural Society' dalam Croissant, Aurel (pytn.), *Electoral politics in Southeast & East Asia* . Singapore: Friedrich-Ebert-Stiftung, ms 101-48. [13 Julai 2018].
- Mariappan, Kntayya. 1996. *Micro and Macro Ethnicity: Ethnic Preference and Structures in Malaysia*. Tesis PhD. University of Bristol.
- Mohamed Salleh Lamry. 2006. *Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- New Cabinet all sworn-in before King. *The Star*. 2 Julai 2018. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/07/02/new-ministers-being-sworn-in-before-king/#DBZvPf2DO2j3KrFV.99>, [13 Julai 2018].
- Number of smartphone users in Malaysia from 2015 to 2022 (in millions)*. *Statista*. <https://www.statista.com/statistics/494587/smartphone-users-in-malaysia/>. [13 Julai 2018].
- Nurul Izzah accepts Dr M's apology, calls for end to Najib 'dictatorship'.. 30 Disember 2017. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/407072>. [13 Julai 2018].
- PAS bayangkan himpunan Melayu-Islam ala 1946. 13 Julai 2018. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/434031>. [13 Julai 2018].

PAS Melaka berdemo bantah iktiraf UEC. 7 Julai 2018. *Harakah*, <http://www.harakahdaily.net/index.php/berita/7244-pas-melaka-berdemo-bantah-iktiraf-uec> [13 Julai 2018].

PAS: Umat Islam resah bukan Islam kuasai perundangan. 12 Julai 2018 *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/433845>. [13 Julai 2018].

PM Mahathir: Public sector downsizing, ministers' pay cut among steps to save nation's coffers. 23 Mei 2018, *The Edge Market*. <http://www.theedgemarkets.com/article/pm-mahathir-public-sector-downsizing-ministers-pay-cut-among-steps-save-nations-coffers>. [13 Julai 2018].

Ratnam, K. J. 1965. *Communalism and the Political Process in Malaya*. Kuala Lumpur : University of Malaya Press.

Report: 95% Chinese but less than 30% Malays voted for PH. 14 Jun 2018. *Free Malaysia Today*. <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2018/06/14/report-95-chinese-but-less-than-30-malays-voted-for-ph/>. [13 Julai 2018].

Rushed reforms could trigger backlash against Harapan, says don. 2 Jun 2018. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/428005> [13 Julai 2018].

Sabah BN government in danger of losing majority. 11 Mei 2018. *The Star*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/05/11/sabah-bn-government-in-danger-of-losing-majority/>. [13 Julai 2018].

Shamsul Amri Baharuddin dan Anis Yusal Yusoff. 2014. *Perpaduan kesepaduan penyatupaduan : satu negara, satu kata akar, tiga konsep keramat*. Kuala Lumpur :Institut Terjemahan & Buku Malaysia,

Suwannathat-Pian, Kobkua. 2011. *Palace, Political Party, and Power: A Story of the Socio-political Development of Malay Kingship*, Hawaii: University of Hawaii Press.

Timb menteri mahu pengiktirafan UEC selesai tahun ini. 8 Julai 2018. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/433212>. [13 Julai 2018].

Tommy Thomas: Can we have this in English, please? 4 Julai 2018. *The Star*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/07/04/tommy-thomas-can-we-have-this-in-english-please/>. [13 Julai 2018].

UiTM alumni against the varsity being opened to all races. 28 Mei 2018. *New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/news/nation/2018/05/374296/uitm-alumni-against-varsity-being-opened-all-races>. [13 Julai 2018].

Varshney, A. (2002). *Ethnic Conflict and Civic Life: Hindus and Muslims in India*. New Haven: Yale University Press.

Whiting, Amanda dan Balasubramaniam, Renuka. 17 Mei 2018. Malaysia's Remarkable Election Outcome. *Pursuit*. <https://pursuit.unimelb.edu.au/articles/malaysia-s-remarkable-election-outcome>, [13 Julai 2018].

Zakaria Haji Ahmad. 1989. 'Diamond Malaysia: Quasi-Democracy in a Divided Society', dalam L., Linz J. J. dan Lipset S. M. (pytn). *Democracy in developing countries: Asia*. Vol. 3. Boulder: Lynne Rienner.